



## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

(Agensi MeCD)

### GP2: GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBAYARAN DIVIDEN DI BAWAH PERENGGAN 57(5)(b) AKTA KOPERASI 1993

#### TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 untuk menjelaskan pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit mengikut perenggan 57(5)(b) Akta Koperasi 1993.

#### TAFSIRAN

2. "Dividen" ertinya bahagian keuntungan sesuatu koperasi yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau yuran yang dipegang oleh mereka.
3. "Mana-mana sumber selain untung bersih teraudit" termasuklah rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen.

#### LATAR BELAKANG

4. Pembayaran dividen oleh koperasi berdaftar daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan semasa adalah diperuntukkan di bawah perenggan 57(5)(b) Akta Koperasi 1993. Peruntukan tersebut menekankan bahawa pembayaran dividen ini perlu mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

#### HAD DIVIDEN YANG DIBENARKAN

5. Kadar maksimum yang ditetapkan bagi pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit adalah terhad sebanyak sepuluh peratus (10%) sahaja atas modal syer atau yuran anggota atau kedua-duanya. Ini bermaksud bahawa bagi koperasi yang untung bersih terauditanya bagi tahun semasa tidak mencukupi untuk membayar dividen boleh memohon untuk menggunakan mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi menampung kekurangan tersebut dengan syarat jumlah dividen yang dibayar tidak melebihi sepuluh peratus.

6. Sebagai contoh, sesebuah koperasi yang hanya mampu membayar dividen pada kadar 6% atas modal syer/yuran daripada keuntungan bersih tahun semasa, dibenarkan membuat tambahan dividen 4% yang boleh diambil daripada keuntungan terkumpul untuk menjadikan kadar dividen 10% pada tahun berkenaan.

#### KRITERIA DAN DOKUMEN

7. Kriteria yang digunakan sebagai asas pertimbangan dalam pembayaran dividen oleh koperasi di bawah garis panduan ini adalah sama seperti permohonan dividen melebihi sepuluh peratus daripada untung bersih teraudit tahun kewangan semasa sepertimana dinyatakan di Lampiran.

8. Dokumen yang perlu dikemukakan oleh koperasi bagi tujuan memohon kelulusan pembayaran dividen adalah juga sama seperti permohonan dividen melebihi sepuluh peratus daripada untung bersih teraudit tahun kewangan semasa, seperti di Jadual I.


#### AM

9. Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

TARIKH KUATKUASA

10. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"



(DATO' MANGSOR BIN SAAD)  
Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 11-11-2008

"PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI"

## LAMPIRAN

### ASAS PERTIMBANGAN BAGI PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH KOPERASI

Kriteria yang digunakan sebagai asas pertimbangan dalam pembayaran dividen oleh Koperasi adalah seperti berikut:-

- a) Pematuhan Kepada Seksyen 57 Akta Koperasi 1993 dan Peraturan 24 Peraturan-peraturan Koperasi 1995

Bayaran kepada Kumpulan Wang Rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi hendaklah dipatuhi oleh Koperasi. Permohonan pembayaran dividen yang dikemukakan oleh Koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi tidak akan dipertimbangkan.

- b) Kemampuan Kewangan

Koperasi yang bercadang untuk membayar dividen hendaklah menggunakan dana dalaman dan bukan daripada pinjaman. Selepas pembayaran dividen, Koperasi hendaklah mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai operasinya tanpa meminjam daripada mana-mana punca dan penjualan asset. Tujuan bayaran dividen adalah untuk memberi ganjaran ekonomi yang munasabah kepada anggota menurut prinsip Koperasi dan bukan sebagai alat bagi Anggota Lembaga Koperasi untuk mendapat sokongan daripada anggota.

- c) Prestasi dan Keuntungan Koperasi

Prestasi dan keuntungan serta kemampuan mengekalkan keuntungan hendaklah diambil kira oleh Koperasi yang mencadangkan pembayaran dividen. Operasi biasa koperasi sepatutnya dapat mengekalkan kadar dividen yang diharapkan anggota-anggotanya. Contohnya, sekiranya aktiviti utama sesuatu Koperasi itu ialah memberi pinjaman kepada

anggota, pendapatan utama serta keuntungannya adalah daripada aktiviti pinjaman. Jika tidak ada pinjaman dibuat kepada subsidiary atau pelaburan dibuat dalam subsidiari atau dalam syer, adalah wajar mengandaikan prestasi Koperasi berkenaan adalah stabil sekiranya tidak ada perkara luar jangka berlaku.

Secara amnya, untuk tahun di mana untung bersih adalah luar biasa, kadar dividen yang lebih tinggi boleh dibayar tetapi anggota-anggota perlulah diberitahu bahawa pembayaran dividen pada kadar yang lebih tinggi tidak mungkin diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Sebagai langkah berhati-hati, adalah tidak wajar bagi Koperasi membuat pembayaran dividen dengan tidak meninggalkan baki keuntungan bersih untuk kontingensi dan keperluan Koperasi pada masa hadapan.

d) *Kedudukan Kecairan (Liquidity Position)*

Koperasi hendaklah mempunyai kadar kecairan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anggota dan mendapat kepercayaan mereka kepada koperasi. Kadar dividen yang dicadangkan oleh Koperasi hendaklah munasabah dan tidak akan menjejaskan operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya.

Koperasi hendaklah mengemukakan penyata bank semasa dan dokumen berkaitan dengan simpanan di bank dan penyata tanggungan terkini kepada Suruhanjaya bersama dengan permohonan kelulusan pembayaran dividen. Koperasi hendaklah mempunyai nisbah semasa (Current Ratio) sekurang-kurangnya 1:1 sebelum pembayaran dividen dibuat.

e) *Kecukupan Peruntukan Bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu*

Koperasi hendaklah mewujudkan peruntukan yang mencukupi bagi hutang lapuk dan hutang ragu serta rosot nilai pelaburan supaya kunci

kira-kira dapat memberi gambaran yang benar dan berpatutan mengenai kedudukan kewangan Koperasi.

Kegagalan untuk mewujudkan peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu yang mencukupi akan menunjukkan keuntungan yang tidak realistik. Permohonan untuk pembayaran dividen yang melebihi 10 peratus yang dikemukakan oleh Koperasi yang tidak mempunyai kecukupan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu tidak akan dipertimbangkan.

f) **Trend Dividen**

Koperasi hendaklah mempunyai dasar pembayaran dividen yang munasabah demi memastikan pembayaran dividen yang stabil. Untuk tahun di mana keuntungan yang lumayan, baki keuntungan hendaklah dirizabkan untuk digunakan pada tahun di mana keuntungan menurun.

g) **Rancangan Perniagaan Tahun Semasa**

Koperasi hendaklah mengambil kira keperluan kewangan pada tahun semasa sebelum mencadangkan kadar dividen. Jika ada rancangan untuk melaksanakan projek baru seperti pemilikan bangunan pejabat, sebahagian keuntungan hendaklah disimpan dan kadar dividen dikurangkan.



JADUAL I

DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH KOPERASI BAGI TUJUAN  
MEMOHON KELULUSAN PEMBAYARAN DIVIDEN

| Bil. | Dokumen  | Salinan |
|------|--|---------|
| 1.   | Surat permohonan pembayaran dividen oleh koperasi  | 2       |
| 2.   | Cabutan minit mesyuarat agung tahunan yang meluluskan pembayaran dividen                                 | 2       |
| 3.   | Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan yang dipohon   | 2       |
| 4.   | Penyata Bank Koperasi yang terkini (termasuk sijil Simpanan Tetap dan Akaun Simpanan sekiranya ada); dan | 2       |
| 5.   | Bajet tahunan yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan   | 2       |